

Sambutan pelabur Amerika di luar dugaan: Mahathir

ST. LOUIS, Ahad —
Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sambutan ahli-ahli perniagaan Amerika terhadap seminar-seminar anjuran rombongan pelaburan Malaysia yang kini dalam rangka lawatan ke Amerika adalah "di luar dugaan."

Kita telah menerima beberapa pesanan yang tertentu dan lawatan tersebut sangat berguna," tambahnya.

Berucap kepada ahli-ahli eksekutif Monsanto, sebuah syarikat Amerika yang mengusahakan pengeluaran pertanian dan komponen elektronik di Malaysia kelmarin, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kepercayaan terhadap Malaysia adalah baik.

Ahli-ahli perniagaan masih berkeyakinan penuh kepada dasar pelaburan negara walaupun terdapat laporan yang bercanggah tentang masa depan negara oleh beberapa wartawan.

Pegawai-pegawai Monsanto membayangkan syarikat tersebut bercadang membuat lebih banyak pengeluaran pertanian di kilangnya di Malaysia untuk bekalan bagi rantau ASEAN.

Mereka menyatakan, Monsanto yakin penuh kepada Rancangan Malaysia Ketiga serta pucuk pimpinan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn.

Syarikat itu sedia mencurahkan tenaga dan sumbernya untuk terus berada di rantau ASEAN.

Rombongan pelaburan yang diketuai oleh Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian, tiba di Los Angeles pada 22 September lalu.

Rombongan tersebut telahpun melawat Houston, New York dan Chicago sebelum tiba di sini. Seminar yang terakhir akan diadakan di Seattle. — Bernama.